

# GIGS

berharga  
C 4&5

EMA INFORMASI GENERASI SEMASA



entak  
showdown  
bedee C6



eg silang  
prak batik

C7



tuk liputan aktiviti  
naja seperti kelab,  
reasi, sukan, kesenian  
u apa saja, hubungi  
ni di talian 03-22822323  
nb. 4784 / 4723  
u e-mel ke  
tahad@hmetro.com.my



# Pustaka mini

C

**J**IKA dilihat dari luar, kedai buku ini kelihatan sama seperti kedai buku lain. Namun apabila kaki mula melangkah masuk ke dalam Q'reazant Enterprise di Bandar Baru Bangi, Selangor, hati seakan-akan tenja melihat dekorasi dan susun aturinya.

Deretan buku pelbagai genre dan bahasa tersusun kemas di atas rak mengikut susun abjad nama penulisnya.

Rak buku berkenaan pula dicat dengan pelbagai warna yang menimbulkan suasana ceria dan tenang, sekali gus menejis stigma negatif mengenai kedai buku.

Premis yang menawarkan perkhidmatan pinjaman buku itu bagaikan mini perpustakaan bagi individu yang gemar menjadikan buku sebagai teman dan tempat mencari bahan bacaan.

Bagi pemiliknya, Raja Nazatul Akhma Raja Fuadzin, 28, idea membuka kedai ini tercusut apabila melihat koleksi bukunya semakin banyak dan ruang di rumahnya semakin terhad untuk menempatkan bahan bacaan itu.

Katanya, sejak kecil dia dan adik-beradiknya yang lain diterapkan dengan minat membaca oleh ibu bapa dan hampir setiap bulan pasti ada bahan bacaan baru dibelinya.

"Lama-kelamaan buku semakin banyak dan menimbun sehingga rak buku tidak lagi mampu menampungnya. "Daripada terperuk 'dihasil' habuk, saya terfikir ada baiknya jika buku itu dikongsikan dengan orang lain dan dari situ tercusut untuk idea untuk membuka kedai ini," katanya yang menjalankan pembiagaan bersama adiknya, Raja Ezatul Akhma, 24.


Pada mulanya dia hanya menjalankan servis itu daripada rumahnya, namun apabila jumlah pelanggan semakin bertambah dia mula berfikir untuk mencari ruang lebih besar dan selesa.

Katanya, sehingga kini dia memiliki hampir 4,000 jenama buku yang merangkumi pelbagai jenis, genre dan bahasa yang mengikut selera pembaca.

Tambahnya, pelbagai bahan bacaan, daripada ilmiah hingga ringan seperti komik dan majalah boleh didapat di Q'reazant.

Di berkata, harga kebanyakan buku, terutama yang ditulis oleh penulis antarabangsa, lebih mahal berbanding buku tempatan.

"Sesetengah pembaca kurang berkemampuan



**Pembaca boleh melanggan pakej disediakan dengan bayaran bulanan dan buku dipesan dikirim melalui khidmat Pos Laju**

mendapatkan bahan bacaan terbitan serta berasaskan mungkin tidak berbaloi mengeluarkan belanja besar untuk sebuah buku yang dibaca hanya sekali.

"Justeru, di Q'reazant kami menawarkan pelbagai buku hasil tulisan penulis antarabangsa, termasuk yang menjadi kegemaran pembaca di luar negara," katanya.

Raja Nazatul berkata, setiap bahan bacaan yang ditempatkan di premisnya mendapat permintaan tertinggi pembaca di negara ini.

"Lazimnya setiap dua bulan

sekali kami membeli bahan bacaan terbaru sama ada melalui syarikat penerbitan maupun ketika pameran buku berskala besar.

"Kami hanya memilih bahan bacaan yang menduduki tangga teratas dalam senarai kedai buku terkenama di negara ini bagi memenuhi cita rasa dan selera pembaca," katanya yang mempunyai memiliki Sanjaya Pentadbiran Pembiagaan (Pemasaran), Universiti Putra Malaysia.

Tambahnya, setiap kali 'memborong' buku, dia akan memerlukan hampir

RM6,000 untuk mendapatkan bahan bacaan yang benar-benar berkualiti.

Sementara itu, Raja Ezatul menolak persepsi masyarakat yang sering melabelkan seseorang yang menggemari buku sebagai ulat buku dan kurang bersosial dengan masyarakat luar.

"Jika dilihat di negara Barat, membaca menjadi budaya mereka, malah kita boleh melihat di mana-mana saja mereka akan membaca jika ada waktu luang.

"Cuma di negara ini, minat membaca di kalangan mas-

arakat masih rendah dan secara tidak langsung mengundang pandangan skeptikal sesetengah masyarakat kepada individu (gemar buku) berkenaan," katanya.

Sejak kedadinya beroperasi tiga tahun lalu, sambutan diterima memuaskan dan kebanyakan pelanggannya adalah golongan perempuan berusia 20 hingga 30 tahun.

Lebih menarik, Q'reazant turut menawarkan servis pinjaman buku secara dalam talian dan pelanggan boleh membuat pilihan buku melalui laman webnya.



MENARIK...susun atur rak buku berjaya menarik minat pembaca.



AJAR...mengadakan kelas tuisyen bahasa Jepun untuk murid sekolah rendah.

Katanya, pembaca boleh melanggar paket disediakan dengan bayaran tertentu secara bulanan dan buku yang dipesan akan dikirim kepada pembaca dengan menggunakan perkhidmatan Pos Laju.

"Bayaran dikenakan termasuk kos penghantaran. Kami njenjin kerjasama dengan 'os Malaysia bagi memudahkan proses penghantaran uku yang dipesan.

"Apabila pelanggan mahu temulangkan semula buku, mereka hanya perlu menyatakan kepada kami dan nggota Pos Malaysia akan

terus ke rumah mereka untuk mengambil buku itu. Cukup mudah," katanya.

Bagi pinjaman dalam talian, tiada tempoh masa pinjaman ditetapkan, sebaliknya mereka perlu membayar yuran pinjaman setiap bulan.

Raja Ezatul berkata, bagi pembaca yang meminjam terus daripada kedai, mereka perlu membayar deposit dan sewa bagi setiap buku dipinjam.

"Apabila mereka (pelanggan) memulangkan buku, kami akan mengembalikan semula wang deposit. Had

tempoh pinjaman sebuah buku adalah 30 hari. Setiap kelewatan dikenakan caj RM0.50 sehari," katanya.

Selain itu, Q'reazant mengadakan bengkel membina kemahiran komunikasi dan sains untuk kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun pada Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap bulan.

Katanya, mereka juga mengadakan kelas tuisyen berskala kecil bagi murid sekolah rendah untuk mata pelajaran Matematik, Sains dan bahasa Jepun.



MINAT...Raja Ezatul (kiri) dan Raja Nazatul (kanan) berkongsi hobi sama.



> Profil  
■ NAMA: Raja Nazatul Akhma Raja Fuadzin  
UMUR: 28 tahun  
ASAL: Bangi, Selangor  
ADIK-BERADIK: Kedua daripada tiga beradik  
PENDIDIKAN: Ijazah Kejuruteraan (Rekabentuk Industri), Universiti Takuoshoku, Jepun dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran), Universiti Putra Malaysia



> Profil  
■ NAMA: Raja Ezatul Akhma Raja Fuadzin  
UMUR: 24 tahun  
ASAL: Bangi, Selangor  
ADIK-BERADIK: Bongsu daripada tiga beradik  
PENDIDIKAN: Ijazah Perniagaan (Sumber Manusia), Universiti LaTrobe, Australia

■ Ditubuhkan sejak 2007 dan terletak di Bandar Baru Bangi

■ Memiliki lebih 4,000 jenis buku pelbagai genre dan bahasa

■ Pembaca boleh membuat pinjaman secara terus atau menerusi dalam talian (on-line)

■ Tempoh pinjaman yang dibuat di kedai adalah 30 hari

■ Bagi pembaca yang membuat pinjaman menerusi on-line, tiada had masa ditetapkan

■ Untuk keterangan lanjut sila layari [www.qreazant.com](http://qreazant.com) atau [www.facebook.com/qreazant](http://facebook.com/qreazant)